

25 MAY 2002

Mahathir-Maulud

DR MAHATHIR INGIN LIHAT KECEMERLANGAN ISLAM

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengajak umat Islam di Malaysia mengorak langkah bagi mengembalikan kecemerlangan Islam dan berusaha memajukan diri agar setanding atau lebih baik daripada masyarakat lain.

Perdana Menteri juga mahu umat Islam di negara ini menghayati ajaran Islam yang sebenar bagi mengangkat martabat umat dan agama suci itu.

Islam yang dibawa oleh Nabi Muhammad SAW pada masa lampau melahirkan masyarakat Islam yang kuat dan cemerlang sehingga mereka dapat membina empayar Islam yang terbesar dari China di Timur hingga ke Sepanyol di Barat, katanya dalam buku cenderamata sempena sambutan Maulidur Rasul hari ini.

Ini berlaku kerana umat Islam berpegang teguh kepada ajaran agama yang sebenar, mempunyai daya juang yang tinggi, bersungguh-sungguh menguasai ilmu dan bekerja keras untuk memajukan diri sendiri, masyarakat, agama dan negara, kata Dr Mahathir.

"Malangnya kecemerlangan ini tidak dapat diteruskan. Penekanan terhadap perkara keagamaan dan penolakan terhadap bidang lain yang tidak bersangkutan dengan agama telah menyebabkan umat Islam ketinggalan dalam serba-serbi," katanya.

Dr Mahathir berkata umat Islam tidak sepatutnya menghabiskan masa dengan berdebat tentang siapa di antara mereka yang lebih Islam.

Katanya mereka juga tidak sepatutnya membuang masa menuduh satu pihak itu kafir atau tidak Islam kerana ini hanya akan memecah belahkan dan melemahkan umat Islam di negara ini.

"Jika kita terus memilih untuk hidup berpuak-puak, maka kita samalah seperti kaum Arab Jahiliah sebelum kedatangan Islam dahulu," katanya.

Sambutan Maulidur Rasul tahun ini yang bertemakan "Bersama Hayati Keindahan Islam", dirasmikan oleh Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail di Stadium Putra, Bukit Jalil.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin dalam ucapannya berkata Nabi Muhammad menterjemahkan Islam sebagai agama yang mudah, mengasihi sesama umat, bertolak ansur dan mementingkan ilmu.

"Ilmu juga perlu disertai dengan akhlak, budaya yang sihat, budi pekerti yang mulia dan sopan santun yang boleh menaikkan imej Islam. Banyak orang yang berilmu tetapi pada masa yang sama banyak melakukan kesilapan dari segi akhlak," katanya.

Pada majlis yang sama, lapan orang menerima Anugerah Maulidur Rasul tahun ini kerana bakti mereka kepada masyarakat dan kecemerlangan dalam menjalankan tugas.

Mereka terdiri Kolonel Dr Jaseemuddeen Abu Bakar, pemangku Sarjan Mejar Mohamed Abdul Manap, Dr Fatanah Mohamed, Chang Hon Fong, Mohamad Shafii Jemiran, Haji Md Adnan Md Daud, Haji Mustaffa Ibrahim dan M. Saraswathy.

Masing-masing menerima RM2,000, plak, sijil, buku-buku agama dan hadiah iringan.

Selain itu, tujuh pasukan perarakan telah dipilih sebagai yang terbaik bagi kategori masing-masing pada majlis itu.

Kementerian Perusahaan Utama memenangi kategori jabatan kerajaan, Bank Rakyat (swasta), Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (badan berkanun), Surau Seksyen 16 Putrajaya (pertubuhan bukan kerajaan), Institut Kemahiran Belia Dusun (institusi pengajian tinggi), Sekolah Menengah Kebangsaan Bandar Tun Razak (sekolah) manakala Penerbangan Malaysia memenangi hadiah pasukan

perarakan khas terbaik.  
-- BERNAMA  
MAD WNZ MAM MAI